

# Selangor bersedia menjadi Hub ICT Global

S-H 16/01/08 MIS 3

LAILA HALILAH NASIR

**NEGERI** Selangor sentiasa memandang ke hadapan untuk membangunkan masyarakat yang berbudayakan ICT, inovatif, kreatif dan berteraskan pengetahuan tinggi di samping memperkukuhkan keupayaan daya saing.

Sehubungan itu, kerajaan negeri melalui kepimpinan Menteri Besarnya, Datuk Seri Dr. Mohd. Khir Toyo terus mengorak langkah dengan usaha-usaha untuk membiasakan komunitinya mengadaptasi gaya hidup digital dengan pelbagai inisiatif.

Antara yang telah dilaksanakan adalah Pusat Komuniti IT (PKIT), Gerak IT (K-TRAK), dan menambahkan sistem penyampaian secara elektronik menerusi Aplikasi Kerajaan Elektronik.

Pelbagai kemudahan menerusi internet dan on-line juga disediakan agar setiap rakyat di negeri ini tidak ketinggalan dalam apa juga perkara terutamanya yang membabitkan perancangan dan maklumat mengenai negeri Selangor.

Inisiatif yang diusahakan oleh pihak kerajaan negeri yang dibuat secara berterusan ini turut mengambil kira beberapa penyediaan sebagai kemudahan asas bagi menjayakan misi membudayakan gaya hidup ICT ini.

Beberapa perkara berikut dijangka dapat menjadi pemangkin di dalam merealisasikan matlamat menjadikan negeri Selangor sebagai sebuah negeri ICT yang efisien dan efektif.

## 1. Klang Valley Broadband Push (KVBP)

la dibuat bertujuan meningkatkan taraf Lembah Klang kepada kawasan Koridor Raya Multimedia (MSC) melalui pelaksanaan prasarana jalur lebar dan peningkatan langganan perkhidmatan jalur lebar.

Pelan strategik KVBP Selangor untuk tempoh selama tiga tahun (2007-2010) dirangka dengan penglibatan semua pihak termasuk kerajaan negeri, Kerajaan Persekutuan dan juga komuniti perniagaan di Selangor.

KVBP mempunyai tiga fokus utama iaitu infrastruktur, infostruktur dan promosi.


## 2. Sistem Penyampaian Perkhidmatan Lembah Klang (EKL)

Sistem ini merupakan program peningkatan penyampaian perkhidmatan semua agensi kerajaan di Lembah Klang. Ia adalah permulaan era sistem penyampaian kerajaan secara elektronik melalui penghantaran dokumen, kaedah pembayaran, aduan komunikasi, pertanyaan dan informasi secara on-line.

## 3. Selangor\*Net Broadband

Selangor\*Net Broadband merupakan usaha kerajaan untuk menghubungkan rangkaian dan melengkapkan prasarana kemudahan infrastruktur Jalur Lebar.

Ia dibuat bertujuan menghubungkan kesemua 12 Pihak Berkuasa Tempatan dan sembilan Pejabat Tanah Daerah. Pada tahun ini Selangor\*Net Broadband akan diperluaskan lagi kepada semua peringkat jabatan dan agensi kerajaan di negeri Selangor.



Portal Sistem Talian Aduan Rakyat Selangor (STARS) yang disediakan bagi memudahkan rakyat Selangor memberi maklum balas.

## 4. Pelaksanaan Kerajaan Elektronik

Kerajaan Elektronik dibuat dengan usaha kerajaan negeri yang bercadang memperluas sistem aplikasi pangkalan data berpusatnya supaya proses pentadbiran kerajaan dapat dijalankan dengan cekap, cepat dan lebih efisien.

Selain itu, kaedah Penyampaian Perkhidmatan dan Teknologi Maklumat Komunikasi akan ditingkatkan melalui sidang video sedia ada kepada sistem yang lebih praktikal.

Pelbagai saluran perkhidmatan dan penyediaan Portal Pertanyaan dan Maklumat Kerajaan Negeri telah diperingkatkan.

## 5. Portal Sistem Talian Aduan Rakyat Selangor (STARS)

Pengurusan aduan dapat dilaksanakan dengan cekap melalui Portal Sistem Talian Aduan Rakyat Selangor (STARS). Portal ini berfungsi untuk menerima pelbagai jenis maklum balas rakyat di Selangor dalam bentuk aduan, cadangan, komen, pertanyaan dan penghargaan.

Selain lima inisiatif yang dinyatakan tadi kerajaan negeri juga sedang dalam proses penambahbaikan daripada penyediaan borang permohonan yang boleh dimuat turun dari 12 perkhidmatan Gerbang Mesra Selangor kepada pengisian secara on-line dan disimpan serta diproses dengan cepat.

Selaras dengan dasar Kerajaan Persekutuan di dalam Rancangan Malaysia ke-9, penekanan kepada dua cabaran utama iaitu memperkuatkan daya saing, daya tahan dan kemampuan inovatif rakyat dan kedua; mempertingkat tahap produktiviti dan ilmu dalam bidang ekonomi akan terus menjadi cabaran dan sasaran kerajaan negeri dalam bidang ICT.

Sehubungan ini juga, kerajaan negeri akan terus berusaha menjadikan Selangor sebagai Hub ICT Global yang signifikan dengan memaksimumkan manfaat ICT kepada semua rakyatnya. Kuasa ICT yang luar biasa ini pastinya boleh memperbaiki keadaan dan ekonomi serta meningkatkan kualiti hidup rakyat.



Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Mohd Khir Toyo sewaktu menerima anugerah "ICT Development Awards 2006" daripada PIKOM atas kejayaan Kerajaan Negeri Selangor dalam membangunkan bidang ICT di Selangor.